



SIARAN MEDIA

KPKT PROGRESIF MENGORAK LANGKAH KE ARAH PENINGKATAN PERKHIDMATAN BERKUALITI

PUTRAJAYA, 23 Januari 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyampaikan amanat tahun baharu 2024 kepada seluruh warga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertempat di Dewan Kristal, Bangunan KPKT pada pagi ini.

Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 YB Menteri bersama Warga KPKT ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Taib serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan, Agensi, wakil-wakil daripada 155 PBT dari seluruh negara secara bersemuka dan dalam talian.

Dalam majlis tersebut, YB KM telah menyampaikan amanat kepada setiap warga KPKT agar sentiasa jelas bahawa falsafah kepimpinan adalah berlandaskan Rukun Negara. Selari dengan itu, tagline KPKT #StrongerTogether, #UnityInDiversity dan #demipertiwi akan terus diperkukuhkan di peringkat kementerian, jabatan dan agensi KPKT.

KPKT mencatat rekod dan pencapaian yang penuh gemilang sepanjang tahun 2023 apabila berjaya mengungguli 15 anugerah dari dalam dan luar negara. Antaranya KPKT telah berjaya memenangi **Anugerah Kementerian Kategori Platinum** dalam penarafan tertinggi *My Government Performance Index (MyGPI)* bagi Tahun 2022-2023 oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima **Anugerah Utama Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA)** Tahun 2023 melalui projek *Audio Frequency Intercept System (AFIS)* yang telah dinobatkan sebagai Johan AIPSA. KPKT turut berjaya memenangi **Tempat Pertama (Trek Ekonomi) bagi Anugerah Inovasi Sektor Awam (AinSA) 2023** melalui projek PBTPay selain telah menerima 12 lagi anugerah berprestij yang lain sepanjang tahun 2023.

Melangkah ke tahun 2024, YB KM dalam ucapan beliau telah menerangkan bahawa empat (4) fokus utama KPKT bagi tahun 2024 ialah;

1) Kesejahteraan Rakyat Keutamaan KPKT

- Rumah Mampu Milik (RMM) yang berdaya huni, selesa dan selamat
- Model baharu bagi Program Perumahan Rakyat (PPR)
- Pembangunan Bandar MADANI
- Pembangunan Bandar PR1MA
- Memperkukuhkan kerangka perundangan perumahan

2) Infrastruktur yang Meningkatkan Kebahagiaan Rakyat

- 5,196 projek prasarana awam siap dibina pada tahun 2023
- Sasaran 2024, tidak kurang daripada 5,000 projek dengan peruntukan RM784 juta
- Memperhebatkan Inisiatif Tandas “BMW” dengan pelaksanaan Tandas Pintar (*Smart Toilet*)

3) Pembangunan Bandar Lestari

- 78 peratus rakyat Malaysia kini tinggal di bandar
- Pelaksanaan Bandar Pintar Malaysia
- *Blueprint* ekonomi kitaran

4) Kerajaan Tempatan yang responsif

- Pelaksanaan OSC 3.0 Plus di PBT yang bertaraf Bandaraya dan Majlis Perbandaran dengan minimum 30 PBT untuk tahun 2024
- Larangan menebang pokok selaras dengan prinsip persekitaran mampan
- Mengekalkan warisan sejarah

Dalam majlis sama, YB KM turut menjelaskan tentang enam (6) inisiatif utama KPKT bagi Kerangka Strategik Malaysia MADANI iaitu meliputi;

1. Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) KPKT;
2. Meningkatkan Program Penyelenggaraan Perumahan Berstrata;
3. Pelaksanaan Penarafan Bandar Pintar Malaysia;
4. Pelaksanaan Operasi Pembasmian Berterusan Tapak Pelupusan Sampah Haram;
5. Pelaksanaan *Blueprint* Ekonomi Kitaran; dan
6. Penambahbaikan Penyampaian Perkhidmatan One Stop Centre (OSC) 3.0 Plus di PBT.

Dalam majlis sama, YB KM turut menyempurnakan Penganugerahan '*Golden Services & Golden Performances for Cadaver Job*' kepada Unit K9, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sebagai penghargaan kepada jasa dan sumbangan dalam perkhidmatan kebombaan.

YB Menteri turut memberi penekanan kepada kepentingan kerjasama yang kuat dalam Pasukan KPKT bagi memastikan kejayaan yang lebih tinggi. Justeru, setiap warga perlu berganding bahu mencapai tahap kecekapan dan kualiti yang tinggi melalui tiga elemen utama penentu kejayaan iaitu perancangan tersusun, pelaksanaan yang cepat dan pelan komunikasi berkesan. Beliau turut mengingatkan kepada setiap warga kementerian agar sentiasa mempunyai tahap integriti yang tinggi dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberikan agar KPKT terus cemerlang.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

